

KUMPULAN INOVATIF & KREATIF



LAPORAN KIK LITHIUM 2018



CAWANGAN KEJURUTERAAN
AWAM DAN STRUKTUR

**BORANG PENYERTAAN
KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF 2018**

**TAJUK PROJEK****F-FLEX****BIDANG INOVASI:***(tandakan ✓ pada yang berkenaan)***SOSIAL** ☐**PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN****TEKNIKAL** ☒**PENGURUSAN** ☐**JENIS INOVASI:***(tandakan ✓ pada yang berkenaan)***PENCIPTAAN** ☐**PENAMBAHBAIKAN** ☒**PROFAL KUMPULAN:***(tandakan ✓ pada yang berkenaan)***PRIMER** ☒**HIBRID** ☐

1. Nama Kumpulan :
LITHIUM
2. Nama & Alamat Jabatan :
**CAWANGAN KEJURUTERAAN AWAM DAN STRUKTUR, JKR MALAYSIA,
TINGKAT 4-10, BLOK G, IBU PEJABAT JKR MALAYSIA, NO. 6, JALAN SULTAN
SALAHUDDIN, 50480 KUALA LUMPUR**
3. No. Telefon : **03-26189161** 4. No. Fax : **03-26189161**
5. Nama Fasilitator:
IR. HJH ATIKAH BT ABDUL HAMID DAN EN. HASRUL NIZAM BIN ABDUL RAHMAN
6. Maklumat Ketua & Ahli Kumpulan:

NAMA KETUA & AHLI KUMPULAN	GEDA JAWATAN	NO. TELEFON BIMBIT	EMEL
Ketua: NOOR EZLYN BT OTHMAN	J48	019-5217682	NoorEzlyn.jkr@1govuc.gov.my
Ahli:-			
1. AMIR ASROL BIN AHMAD BANGI	J44	017-9745477	amirasrol@jkr.gov.my
2. MOHAMED FIRDAUS BIN OTHMAN	J41	012-5603734	mdfirdaus@jkr.gov.my
3. RAMA YADI BIN ABD RASHID	J36	0166743180	ramayadi@jkr.gov.my
4. FAIRUZ FARIZA BT MAT NOOR	J36	019-6512324	FairuzFariza@jkr.gov.my
5. MOHD RAIMI NABIL BIN ABDUL RAZZAQ	J29	019-5107769	mohdraiminabil@jkr.gov.my
6. FAIZAL BIN YUSUF	J29	013-2199690	faizalyusuf@jkr.gov.my

7 NUR ADRIANA HAYANI BT ADNAN	J29	014-6404062	adriana@jkr.gov.my
8. AZLIA BT AHMAD	J19	012-7344984	azlia@jkr.gov.my
9 ANIS MASHITAH BT REDZUAN	J19	017-4066256	anismashitah@jkr.gov.my

MAKLUMAT PROJEK (*semua ruangan WAJIB diisi)

1. Tajuk Projek :
F-FLEX
2. Tarikh Mula Projek : **24-11-2018**
3. Tarikh Siap Projek : **15-5-2018**
4. Huraian Ringkas Projek :
F-Flex merupakan satu inovasi yang terhasil daripada kreativiti kumpulan untuk membantu pereka merakabentuk sistem saliran di kawasan yang mengalami mendapan tanah yang aktif. Ia adalah produk yang dicipta bagi menggantikan komponen penyambung tegar antara rainwater down pipe ke paip agihan serta bersifat penyelesaian one-off, ekonomik, praktikal dan menepati konsep pembangunan lestari.

PERAKUAN IDEA TULEN

Kumpulan kami mengaku bahawa projek KIK ini adalah idea tulen hasil usaha ahli kumpulan dan tidak diciplak dari mana-mana sumber. Projek ini juga belum pernah dipertandingkan di mana-mana Konvensyen KIK JKR Malaysia (atau dikenali sebagai Konvensyen KMK) sebelum ini.

Tandatangan Ketua Kumpulan
Tarikh: 30/5/2018

PENGESAHAN KETUA JABATAN

Saya mengesahkan bahawa semua maklumat yang kemukakan adalah benar.

Disahkan oleh:

Tandatangan dan Cop Rasmi Ketua Jabatan

Tarikh: Ir. Hj. MOHAMAD ZULKEFLY BIN SULAIMAN

Pengarah Kanan

Cawangan Kejuruteraan Awam Dan Struktur

Ibu Pejabat JKR Malaysia

Borang permohonan ini hendaklah dihantar ke alamat berikut:

Urus Setia KIK JKR Malaysia

Unit Inovasi Kejuruteraan

Bahagian Inovasi, Penyelidikan dan Pembangunan Kejuruteraan,

Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR

(CREaTE),

Jalan Kemus, Simpang Ampat

78000 Alor Gajah, Melaka.

No. Telefon:

06 – 551 2269 / 2270 / 2271

Emel:

shahrilazizi.jkr@1govuc.gov.my

RINGKASAN EKSEKUTIF**KUMPULAN**

Nama Kumpulan
 Nama Organisasi
 Alamat

LITHIUM**Cawangan Kejuruteraan Awam dan Struktur****Tingkat 6, Blok G, Ibu Pejabat JKR Malaysia, Jalan Sultan Salahuddin, 50580 Kuala Lumpur****0326189069 & 0326189055**

No Telefon & Fax

NoorEzlyn.jkr@1govuc.gov.my

Emel

Tarikh Kumpulan Ditubuhkan

29 November 2017

Bilangan Ahli

10**PROJEK**

Nama Projek

F-flex

Keterangan Projek

F-flex adalah komponen penyambung boleh laras (flexible joint) yang menyambungkan *Rainwater Down Pipe* (RWDP) ke paip agihan bagi mengalirkan air hujan daripada bumbung ke parit utama. Tujuan utama pemasangan ***F-flex*** ialah mengelakkan sistem saliran di kawasan yang mengalami mendapan patah akibat pergerakan tanah. ***F-flex*** berkeupayaan untuk meregang melebihi 4 kali ganda panjang komponen berkenaan sepanjang jangka hayat produk. ***F-flex*** dibina menggunakan bahan *PVC flexible hose* bersifat ringan, tahan dari cuaca, radiasi UV, tindakbalas kimia serta pergerakan mekanikal. Ia juga tahan lama dan memerlukan penyelenggaraan yang minima. Komponen ***F-flex*** juga mudah disambung dan terdapat dalam pelbagai saiz yang berpadanan dengan saiz RWDP yang akan disambung. Panjang ***F-flex*** juga boleh disesuaikan mengikut kadar mendapan oleh laporan geoteknik (siasatan tanah) di sesuatu tapak bina. Kaedah pengujian sistem ***F-flex*** juga direkabentuk bagi mengesan kebocoran ini selepas pemasangan di tapak.

Kategori Projek

Primer/Teknikal/Penambahbaikan Penyampaian Perkhidmatan

Pernyataan Masalah

Pelaksanaan projek ini adalah susulan permohonan untuk memberikan pandangan dan khidmat nasihat teknikal berhubung masalah mendapan tanah di Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS). Masalah ini menyebabkan sistem saliran gagal berfungsi dengan baik dan menjejaskan infrastruktur di PSIS. Keadaan ini juga meningkatkan aduan pengguna, menjejaskan suasana pembelajaran di PSIS, selain peruntukan yang tinggi terpaksa diperuntukkan bagi membaiki kerosakan setiap tahun.

Cabaran bagi Cawangan ini dalam merekabentuk sistem saliran di kawasan mendapan ialah ia perlu menggunakan komponen bersifat 'mesra mendapan' iaitu ringan, boleh meregang atau bergerak bersama pergerakan tanah, tahan lasak, tidak mudah terurai, ekonomik dan mudah diselenggara. Penciptaan ***F-flex*** yang praktikal telah membantu mengatasi masalah kerosakan sistem saliran di kawasan berkenaan dengan kos yang ekonomik dan menepati konsep pembangunan lestari.

ISI KANDUNGAN



PE-PEEX



**CAWANGAN KEJURUTERAAN
AWAM DAN STRUKTUR**

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 LATAR BELAKANG CAWANGAN KEJURUTERAAN AWAM DAN STRUKTUR

Cawangan Kejuruteraan Awam dan Struktur (CKAS), Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) merupakan salah satu Cawangan yang berfungsi untuk menjalankan kajian kejuruteraan dan menyediakan kepakaran rekabentuk dan sokongan dalam bidang kejuruteraan awam dan struktur kepada Cawangan-Cawangan di peringkat Ibu Pejabat JKR, JKR Negeri / Wilayah Persekutuan atau Unit Khas JKR.

Visi CKAS adalah menjadi pusat kecemerlangan kepakaran rekabentuk kejuruteraan awam dan struktur yang unggul, menggunakan kreativiti dan inovasi modal insan berteraskan teknologi inovatif dan mampan. Cawangan ini mempunyai misi untuk menjadi cawangan teknikal yang terunggul dalam pembangunan kejuruteraan awam dan struktur dalam negara, memberi khidmat kepakaran rekabentuk dan forensik berdasarkan amalan terbaik dalam perundingan teknikal, menghargai dan mengamalkan keutuhan dan ketelusan di samping berusaha ke arah pembangunan lestari demi manfaat generasi hari ini dan akan datang.

1.2 PENGLIBATAN PIHAK PENGURUSAN

Pada 29 November 2018, Kumpulan Lithium telah mendapat kelulusan jabatan bagi penubuhan kumpulan ini oleh Pengarah Kanan Cawangan Kejuruteraan Awam dan Struktur JKR menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Inovasi Bil 01/2017. Surat perlantikan kumpulan Lithium adalah seperti **Lampiran 1A** dan foto serta minit mesyuarat berkenaan adalah seperti **Lampiran 1B**.



1.3 KUMPULAN

CAWANGAN KEJURUTERAAN AWAM DAN STRUKTUR JKR	NAMA ORGANISASI		NAMA KUMPULAN	LITHIUM
TINGKAT 6-10, BLOK G, IBU PEJABAT JKR MALAYSIA	ALAMAT		BILANGAN AHLI KUMPULAN	10
			TARIKH PENUBUHAN KUMPULAN	29 NOV 2017

Carta Organisasi, Logo dan Definisi Kumpulan adalah seperti **Lampiran 1C**.

1.4 PROJEK



NAMA PROJEK KATEGORI PROJEK

F-FLEX KIK Primer-Inovasi Penyampaian Perkhidmatan

KETERANGAN PROJEK

Merupakan satu inovasi yang terhasil daripada kreativiti kumpulan untuk membantu pereka merekabentuk sistem saliran di kawasan yang mengalami mendapan tanah yang aktif.

1 SIGNIFIKAN PROJEK DAN PEMBUKTIAN

2.1 KRITERIA PEMILIHAN PROJEK (EMPATHY)

Kumpulan Lithium telah mengenalpasti lima alat kawalan kualiti dalam mengenalpasti masalah iaitu (Rujuk **Lampiran 2A**):



Masalah utama telah diperincikan lagi dengan kaedah 5W+1H diikuti dengan pengumpulan data yang dijalankan:

01	WHO	Perekabentuk di Cawangan Kejuruteraan Awam dan Struktur JKR
02	WHEN	2017 sehingga 2018
03	WHAT	Sistem saliran bagi bangunan bermula daripada aliran air daripada bumbung hingga ke longkang utama
04	WHY	Sistem saliran rosak akibat mendapan tanah
05	WHERE	Politeknik Sultan Idris Shah, Sabak Bernam, Selangor
06	HOW	Pengenalan komponen sistem saliran mesra mendapan dan ujian kualiti



PEMERHATIAN : Pemerhatian berdasarkan Laporan awalan keselamatan kerja luar Politeknik Sultan Idris Shah-12 Disember 2013 dan Laporan Geoteknik bagi Kerja-Kerja Penyiasatan Tanah, Ujian Makmal dan Pemantauan Mendapan di Politeknik Sultan Idris Shah-Januari 2016



PENGUKURAN: Pengukuran di tapak berkaitan komponen saliran yang rosak akibat mendapan seperti Rainwater Down Pipe, penyambung dan longkang perimeter di kesemua 43 blok bangunan di Politeknik Sultan Idris Shah, Sabak Bernam, Selangor.



SOAL SELIDIK: Pengumpulan data melalui soal selidik yang dijalankan terhadap perekabentuk di Bahagian Kejuruteraan Awam, Cawangan Kejuruteraan Awam dan Struktur bagi mendapatkan maklumat masalah rekabentuk di kawasan mendapan yang lebih terperinci.

Surat kelulusan bagi tajuk *F-flex* telah ditandatangani oleh Pengarah Kanan CKAS bertarikh 28 November 2017 seperti yang ditunjukkan dalam **Lampiran 2B**.

2.2 KAITAN DENGAN FUNGSI JABATAN (*DEFINE*)

MISI JKR

Kami akan menjadi pionir perkhidmatan bertaraf dunia dan pusat kecemerlangan di dalam bidang perancangan, pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan serta pembangunan infrastruktur negara melalui modal insan yang kreatif dan inovatif serta teknologi terkini.

VISI CKAS

Kami akan menjadi pusat kecemerlangan kepakaran rekabentuk kejuruteraan awam dan struktur yang unggul dengan menggunakan kreativiti dan inovasi modal insan bertaraf teknologi inovatif dan mampan.

Projek ini berkait rapat dengan misi JKR untuk menjadi pusat kecemerlangan dalam perkhidmatan kejuruteraan serta visi Cawangan Kejuruteraan Awam dan Struktur untuk menjadi pusat kecemerlangan kepakaran rekabentuk kejuruteraan awam dan struktur yang unggul dengan menggunakan kreativiti dan inovasi modal insan berteraskan teknologi inovatif dan mampan.

2.3 MEMENUHI KEHENDAK PELANGGAN DAN PIHAK BERKEPENTINGAN (*DEFINE*)

Projek *F-flex* menepati piagam pelanggan Cawangan Kejuruteraan Awam dan Struktur JKR dalam menyediakan khidmat rekabentuk kejuruteraan awam dengan memberikan perkhidmatan profesional yang berkualiti dengan berteraskan kepada tempoh masa yang ditetapkan, kos yang ekonomik dan rekabentuk mengikut perubahan teknologi semasa. Selain itu, ia selari dengan Pelan Strategik JKR 2016-2020 iaitu Tema 1 ke arah kecemerlangan penyampaian projek bagi produk yang mempunyai kos efektif dan mudah diselenggara. *F-flex* turut memenuhi Tema 2: Memacu kelestarian dengan penghasilan produk tahan lasak. Tema 5 Pelan Strategik JKR 2016-2020 iaitu ke arah melahirkan organisasi inovatif turut selari dengan matlamat projek ini. Projek *F-flex* bermatlamat untuk mencapai hasil-hasil strategik yang digariskan iaitu pelanggan yang amat berpuas hati hasil pengalaman ko-kreatif bersama JKR dan menjadikan JKR selaku pusat rujukan teknikal. Selain itu, penciptaan *F-flex* adalah bertepatan dengan Polisi Pembangunan Lestari JKR Malaysia 2016-2020.

Projek ini turut memenuhi kehendak pihak pelanggan iaitu




Politeknik Sultan Idris Shah, Sabak Bernam (PSIS) ke arah menyediakan peningkatan secara berterusan dalam aspek berkaitan persekitaran. Manual *PolyGreen* Politeknik Malaysia yang telah dilancarkan pada 1 April 2015, telah menggariskan penambahbaikan di dalam sistem saliran iaitu pengurusan air ribut (*stormwater*) dalam bidang Tumpuan 9 di bawah Kepelbagaian Bio dan Landskap, yang mana bertepatan dengan penciptaan produk ini.

Selain itu projek ini juga menyokong misi Unit Pembangunan dan Penyelenggaraan PSIS dalam melaksanakan penyelenggaraan dan pembangunan yang memberi keselesaan kepada warga PSIS.



2.4 KAITAN DENGAN AGENDA NASIONAL (DEFINE)



Inovasi *F-flex* amat berkaitan dengan kehendak Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSIN) yang menyasarkan Malaysia sebagai negara berinovasi dan maju sains (*scientifically advance nation*) dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020. Penciptaan *F-flex* menyokong Teras Strategik 1 dasar ini iaitu ke arah pembangunan bidang penyelidikan dan saintifik.

Projek *F-flex* juga selaras dengan kehendak Rancangan Malaysia ke 11 ke arah menjana kekayaan melalui inovasi yang diperkukuhkan menerusi integrasi dan kolaborasi antara industri, akademik, masyarakat dan Kerajaan. Di samping itu, ia turut mendokong usaha ke arah pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampanan dan daya tahan seperti yang digariskan dalam RMK11.

Selain itu penciptaan *F-flex* adalah memenuhi objektif Dasar Teknologi Hijau ke arah meningkatkan keupayaan bagi inovasi dalam pembangunan teknologi hijau di samping mewujudkan persekitaran yang kondusif di PSIS.

2.5 KAITAN DENGAN KEADAAN DAN EKOSISTEM SEMASA (DEFINE)

JKR telah menerima permohonan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membantu dalam memberikan pandangan dan khidmat nasihat teknikal berhubung masalah mendapan tanah di Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) seawal September 2013. Pergerakan akibat mendapan tanah masih aktif biarpun kerja-kerja pembaikan telah dijalankan berulang kali di kawasan PSIS. Faktor ini disebabkan tapak PSIS adalah kawasan paya yang telah ditebusguna dan berhampiran dengan laut.

Laporan teknikal oleh Unit Pengajian Tinggi & Pendidikan, Bahagian Kejuruteraan Awam, Cawangan Kejuruteraan Awam, Struktur dan Jambatan JKR Malaysia serta pengukuran berdasarkan aduan pengguna di tapak telah mengenalpasti komponen-komponen kerja awam yang terjejas akibat mendapan tanah termasuk paip saliran hujan (*rainwater down pipe*) sebanyak 1205 kes, paip agihan (241 kes), longkang keliling bangunan (*perimeter drain*) bagi satu bangunan, parit utama (6 kes) dan parit tepi jalan (*roadside drain*) sebanyak 3 kes.

Sehubungan itu, laporan geoteknik telah dikemukakan bagi bagi kerja-kerja penyiasatan tanah, ujian makmal dan pemantauan mendapan di Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) bertarikh Januari 2016 (rujuk **Lampiran 2C**) yang menyenaraikan bahawa magnitud mendapan tanah dikenalpasti adalah sebanyak 400 mm ke 700 mm dalam tempoh 13 tahun. Masalah ini menyebabkan sistem saliran gagal berfungsi dengan baik dan menjejaskan infrastruktur di PSIS. Secara tidak langsung, keadaan ini juga memberi impak negatif terhadap imej kampus, meningkatkan aduan pengguna di PSIS, menjejaskan suasana pembelajaran di PSIS, selain peruntukan yang tinggi terpaksa diperuntukkan bagi memperbaiki kerosakan setiap tahun. Kerja-kerja pembaikan berterusan juga memakan masa dan menyebabkan suasana pembelajaran yang kurang selesa.

2.6 ANALISIS PENYELESAIAN (*DEFINE*)

Ekosistem semasa di PSIS digambarkan melalui Kanvas Strategi Sedia Ada seperti Rajah 1 di bawah:



RAJAH 1 : KANVAS STRATEGI SEDIA ADA

Kerosakan sistem saliran ini boleh menjejaskan matlamat kerajaan dalam melahirkan graduan yang berkualiti serta persekitaran yang berinovatif. Kerosakan sistem saliran secara berterusan memberi impak kepada penyediaan suasana pembelajaran yang kondusif. Selain itu, kos yang tinggi dalam kerja-kerja pembaikan menjadikan sistem saliran sedia ada menjadi tidak ekonomik. Penggunaan kaedah pembaikan dengan sistem sedia ada hanya bersifat sementara dan kos

penyelenggaraan yang tinggi juga diperlukan. Sehubungan itu, beberapa strategi telah diatur bagi mengatasi masalah-masalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2 di bawah:

Impak tinggi kepada PSIS  Kos penyelenggaraan dan pembinaan yang rendah kepada PSIS	ELIMINATE Aduan pelajar terhadap kerosakan sistem saliran yang menjejaskan suasana kondusif untuk pembelajaran di PSIS	RAISE Meningkatkan nilai tambah bagi sistem saliran kepada sistem yang lebih mesra mendapan/tahan lasak
	REDUCE Pengurangan kos dan masa kerja pembaikan bagi sistem saliran	CREATE Memperkenalkan komponen sistem saliran yang lebih mesra mendapan/ tahan lasak

Rajah 2: Strategi E.R.R.C. dalam NBOS

PEMBUKTIAN

Pengumpulan data dilakukan dan langkah-langkah bagi mengatasi masalah adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual Sasaran Penambahbaikan di bawah:

Jadual 1: SASARAN PENAMBAHBAIKAN

STRATEGI	LANGKAH E.R.R.C.	PENAMBAHBAIKAN	SEMASA	SASARAN	% SASARAN
1	<i>Eliminate</i>	Kerosakan sistem saliran	1456	0	100%
2	<i>Reduce</i>	Kos pembaikan	RM114,570.00	RM57,285.00	50%
3	<i>Reduce</i>	Masa kerja-kerja pembaikan	13 hari	10 hari	23%
4	<i>Raise</i>	Kualiti sistem saliran	Tidak mesra mendapan	Fleksibel dan Mesra mendapan	100%
5	<i>Raise</i>	Kualiti persekitaran	Kurang selesa	Selesa	100%
6	<i>Create</i>	Komponen sistem saliran mesra mendapan	0	1456	100%

Kumpulan Lithium telah menetapkan cadangan strategi seperti yang ditunjukkan di dalam Kanvas 'Strategy To Be' di bawah:

Rajah 3: Kanvas *Strategy To Be*

3.0 TINDAKAN PENYELESAIAN DAN PEMBUKTIAN

3.1 CADANGAN PENYELESAIAN DAN PEMBUKTIAN (IDEATE)

Kumpulan Lithium menggunakan kaedah percambahan minda dan analisis SWOT bagi menentukan kaedah penambahbaikan yang paling praktikal (Rujuk **Lampiran 3A**). Hasilnya kaedah penambahbaikan yang paling praktikal adalah menggantikan komponen kritikal iaitu penyambung tegar (*rigid joint*) kepada penggunaan penyambung boleh laras (*flexible joint*) di antara paip talang hujan dan paip agihan mampu mengelakkan sistem saliran perparitan rosak akibat mendapan tanah. Kaedah penambahbaikan ini telah dikembangkan dengan idea-idea kreatif menggunakan kaedah S.C.A.M.P.E.R (ujuk **Lampiran 3B**).




3.2 PELAN TINDAKAN PENYELESAIAN (*PROTOTYPE*)

Pelan Tindakan Penyelesaian dirumuskan menggunakan kaedah 5W+2H seperti berikut:

WHO	Ahli Kumpulan Inovasi Lithum
WHEN	2017 sehingga 2018
WHAT	Komponen sistem saliran yang mesra mendapan
WHY	Mengatasi masalah sistem saliran rosak akibat mendapan tanah
WHERE	Politeknik Sultan Idris Shah, Sabak Bernam, Selangor
HOW	Hasil perbincangan dan percambahan idea semua ahli Kumpulan Lithium dengan menyediakan lakaran rekabentuk dan menghasilkan produk inovasi
HOW MUCH	Anggaran kos pembinaan produk: RM 75.00/unit

3.3 PEMBANGUNAN *PROTOTYPE* DAN PENGUJIAN

Taklimat	Pembangunan <i>Prototype</i>	<i>Prototype</i>	Ujicuba 1	Analisa
Taklimat idea ciptaan <i>F-flex</i> telah diberikan pada 29 November 2017 dan telah mendapat kelulusan pihak pengurusan bagi membangunkan <i>prototype</i> .	Pembangunan <i>prototype</i> telah dijalankan pada 1 Disember 2017 selama 2 minggu. seperti dalam Lampiran 3C .	<i>Prototype F-flex</i> telah dipasang di tapak PSIS bermula 14 Disember 2017 di blok kantin PSIS (Lampiran 3D)	Ujicuba di tapak 1 pada 21/12/2017 bagi mengkaji keberkesanan pemasangan <i>F-flex</i> dan kefungsi sistem saliran secara keseluruhan	Data dikumpul Penggunaan <i>F-flex</i> telah mengelakkan kerosakan sistem saliran di tapak (Lampiran 3E)
LANGKAH 1 LANGKAH 2 LANGKAH 3 LANGKAH 4 LANGKAH 5				
November 2017	Disember 2017	Disember 2017	Disember 2017	Jan 2018
				
Ujicuba 2	Analisa	Replikasi dalam CKAS	Penghargaan PSIS	Pendaftaran MyIPO
Pengukuran mendapan dan ujicuba telah diadakan di blok kantin PSIS	Analisa terhadap keputusan dibuat dan lukisan pindaan terkini dikeluarkan. (Lampiran 3F)	Pengarah Kanan CKAS mengarahkan penggunaan <i>F-flex</i> bagi projek JKR	Surat penghargaan oleh PSIS (Lampiran 3G)	Pendaftaran MyIPO bagi <i>F-flex</i> dilaksanakan
LANGKAH 6 LANGKAH 7 LANGKAH 8 LANGKAH 9 LANGKAH 10				
15 Mei 2018	16 Mei 2018	17 Mei 2018	4 Jun 2018	7 Jun 2018
				

3.4 PERAKUAN DARI PIHAK BERTAULIAH/ BERKUASA (LAMPIRAN 3H)

Inovasi *F-flex* telah mendapat perakuan daripada beberapa agensi dan pihak berkuasa yang terlibat di dalam kelulusan pelan sistem saliran termasuk Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Majlis Daerah.

Agensi	Individu Yang Ditemuramah	Jawatan
Jabatan Pengairan dan Saliran Perak	Ir. Dr. Haji Ahmad Anuar bin Othman	Pengarah
Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor	Ir. Haji Baddarudin bin Tahiruddin	Timbalan Pengarah
Majlis Daerah Sabak Bernam, Selangor	En. Mohd Firdaus bin Ahmad Nor	Jurutera
Majlis Daerah Jempol, Negeri Sembilan	En Rostam bin Omar	Jurutera

3.5 PELAKSANAAN INOVASI

Bagi mengenalpasti keberkesanan rekabentuk dan penambahbaikan bagi produk *F-flex*, perbincangan telah diadakan bersama pasukan JKR Sabak Bernam yang terlibat dengan kerja-kerja pembaikan sistem saliran di PSIS pada 14 Mei 2018. Input daripada pasukan selia tapak telah diaplikasikan terhadap rekabentuk *F-flex*.



Pembentangan *F-flex* dengan kehadiran Pengarah Kanan, Pengarah Rekabentuk dan Jurutera Awam Penguasa Kanan CKAS bersama Urusetia Jawatankuasa Pembangunan Inovasi Cawangan telah diadakan pada 7 Mei 2018. Susulan itu, surat edaran penggunaan *F-flex* telah diedarkan bertarikh 17 Mei 2018 (Lampiran 3I) sebagai tindakan penyeragaman inovasi di CKAS.



Sesi pembentangan produk *F-flex* dengan JKR Sabak Bernam dengan kehadiran 5 pegawai Bahagian Kejuruteraan Majlis Daerah Sabak Bernam juga telah diadakan pada 4 Jun 2018 bertempat di JKR Sabak Bernam Selangor. Kumpulan Lithium telah memberi penerangan ringkas termasuk kaedah pemasangan dan pengujian di tapak, pengiraan rekabentuk serta cadangan penambahbaikan.



Kertas kerja berkaitan *F-flex* bertajuk '*Flexible Joint for Drainage System at Settlement Areas*' telah dibentangkan semasa JKR Research Colloquium pada 29 Ogos 2018. Produk ini telah mendapat ulasan positif serta cadangan kajian bagi pengembangan potensinya.



4.0 KEBERHASILAN PROJEK (OUTCOME PROJEK/ IMPAK PROJEK)

4.1 MENGHAPUSKAN KEROSAKAN SISTEM SALIRAN

F-flex telah menyelesaikan masalah saliran yang rosak akibat mendapan tanah. Kerosakan sistem saliran telah berjaya dibaiki sepenuhnya iaitu daripada 1456 kes pada tahun 2017 kepada 0 kes pada sehingga 4 Jun 2018. Manakala purata aduan bagi tahun 2018 telah menurun sebanyak 206 kes berbanding 372 kes bagi tahun 2017.



2017	Bilangan aduan	2018	Bilangan aduan
November 2017	579	Januari 2018	209
Disember 2017	165	Februari 2018	161
		Mac 2018	119
		April 2018	476
		Mei 2018	65
PURATA	372	PURATA	206

* Sumber : Temuramah Bersama Pihak Pengurusan PSIS Dan Printout Sistem Aduan PSIS seperti **Lampiran 4A**

4.2 MENJIMATKAN KOS PEMBAIKAN SISTEM SALIRAN

KONVENSIONAL

RM 114,570.00

F-FLEX

RM 60,840.00

Lampiran 4B menunjukkan perbandingan antara kos pembinaan sistem saliran secara pembinaan konvensional dan pemasangan *F-flex* bagi bangunan kantin. Kadar penjimatan adalah **53.1%** berbanding sasaran awal iaitu 50%

4.3 MEMPERBAIKI KUALITI PERSEKITARAN POLITEKNIK SABAK BERNAM



Kualiti persekitaran telah ditingkatkan dengan aplikasi kaedah *F-flex* di kampus PSIS. Kaedah saliran yang terbuka (menggunakan longkang keliling) telah digantikan dengan paip yang ditanam di bawah tanah yang disambungkan menggunakan *F-flex* ke Rainwater Down Pipe.

4.4 PENGENALAN UJIAN KUALITI BAGI SISTEM SALIRAN MENGGUNAKAN PRODUK F-FLEX

Bagi menguji keberkesanan fungsi sistem saliran menggunakan *F-flex*, satu kaedah ujian kualiti diperkenalkan. Ujian ini juga belum pernah digunakan di dalam menguji sistem saliran yang dibina oleh pihak JKR. **Lampiran 4C** menunjukkan penyataan kaedah kerja bagi ujian kualiti ini. Ujian ini bertujuan untuk menguji kebocoran paip saliran dengan cara mengukur kuantiti air keluar berbanding kuantiti air yang dialirkan. Ujian ini akan dicadangkan sebagai penentusah kualiti pembinaan bagi sistem saliran di tapak bina JKR.



4.5 PENJIMATAN MASA PEMBINAAN

Perbandingan antara masa pembinaan yang diambil bagi pembinaan longkang keliling (kaedah konvensional dan penggunaan *F-flex* yang dialirkan terus ke paip agihan ditunjukkan dalam **Lampiran 4D**. Masa pembinaan sistem saliran menggunakan kaedah *F-flex* didapati lebih singkat (8 hari) berbanding pembinaan sistem saliran konvensional (13 hari) iaitu penjimatan sebanyak 40%.

4.6 PENGENALAN SISTEM SALIRAN MESRA MENDAPAN

Pemasangan *F-flex* antara paip talang hujan (*rainwater downpipe*) dan paip agihan telah menghasilkan satu sistem saliran yang mesra mendapan dan berdaya tahan tinggi terhadap kesan mendapan tanah. Produk ini mampu meregang sepanjang 4 kali ganda panjang asal dan mampu menahan daya mendapan tanah sehingga 541 N (telah disahkan berdasarkan ujian oleh pihak SIRIM).

4.7 NILAI TAMBAH

KEPELBAGAIAN GUNA/ MULTIPURPOSE

Kegunaan asal bahan utama *F-flex* (*PVC duct hose*) adalah bagi penyedut asap dan kegunaannya dipelbagaikan bagi mengatasi masalah kegagalan sistem saliran. Ini secara tidak langsung menjimatkan kos pembinaan (*multipurpose use*)



MENINGKATKAN KEMAHIRAN TEKNIKAL

Meningkatkan kemahiran teknikal di antara kakitangan teknikal JKR, Majlis Daerah dan ahli kumpulan di mana kaedah pembinaan diperincikan menerusi lukisan pembinaan. Pemerhatian kerja-kerja pemasangan *F-flex* juga telah meningkatkan kefahaman pelanggan.

4.7 KESAN JANGKA PANJANG KEPADA JABATAN

- Pengenalan produk *F-flex* telah membantu meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan awam di mana rekabentuk yang dihasilkan mampu menjimatkan kos pembinaan, penyelenggaraan serta masa pembinaan di samping rekabentuk yang boleh diadaptasi di pelbagai tempat.
- Produk *F-flex* telah meningkatkan kredibiliti pereka jabatan khasnya dalam bidang forensik skop kerja-kerja kejuruteraan awam.
- Penerimaan baik pihak pelanggan terhadap *F-flex* secara tidak langsung menggalakkan budaya inovasi dalam Jabatan.
- Penciptaan produk *F-flex* telah meningkatkan kebolehcapaian misi dan visi Jabatan ke arah menjadi pusat kecemerlangan kepakaran rekabentuk kejuruteraan awam dan struktur yang unggul dengan menggunakan kreativiti dan inovasi modal insan berteraskan teknologi inovatif dan mampan.
- Kreativiti dan inovasi yang diterapkan semasa penciptaan produk ini telah melahirkan kakitangan yang kreatif dan kritis
- Kejayaan dan ketahanan produk *F-flex* dalam menyelesaikan masalah kerosakan sistem saliran telah meningkatkan keyakinan pemangtaruh (*stakeholder*)



4.8 KESAN JANGKA PANJANG KEPADA PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN NEGARA

- Penjimatan kos pembaikan dengan penggunaan *F-flex* telah menyumbang ke arah penjimatan peruntukan pembangunan bagi kerja-kerja pembaikan.
- Penciptaan produk berdaya tahan telah menepati prinsip ke arah kelestarian alam sekitar
- Penyelesaian jangka panjang sistem ini telah mewujudkan suasana pembelajaran kondusif di institusi Pendidikan yang mengalami masalah mendapan tanah.
- Penciptaan bahan mesra mendapan ini telah menjana kemahiran teknikal di kalangan kakitangan teknikal di sektor awam
- Penghasilan inovasi ini telah meningkatkan *Global Innovation Index* Negara
- *F-flex* telah membantu menghasilkan sistem saliran yang tahan lasak dan memerlukan penyelenggaraan minima, yang mana ini telah menambahbaik pengurusan aset jangka panjang.

4.9 FAEDAH SAMPINGAN (LUAR JANGKA)

Faedah sampingan di luar jangka yang diperolehi daripada projek ini termasuk

- Pengenalan kaedah baru mengesan kebocoran paip bawah tanah sedia ada. Selain daripada menentukan prestasi sistem saliran yang baru dibina, ujian ini boleh digunakan bagi mengesan kebocoran paip-paip saliran sedia ada, secara tidak langsung menambahkan kaedah forensik bagi sistem saliran bawah tanah.
- Pewujudan kerjasama strategik bersama pihak pelanggan (PSIS) berhubung kesan penggunaan produk *F-flex* pada alam sekitar dan pemantauan keberkesanan produk ini di tapak. (Rujuk Surat Penghargaan Pelanggan pada 4 Jun 2018)
- Meningkatkan keyakinan diri di kalangan ahli kumpulan dalam memberi penerangan kepada agensi-agensi luar tentang produk.
- Cadangan kerjasama dua hala bagi pembangunan produk *F-flex* daripada USM dan UiTM (Rujuk Surat Ulasan Teknikal pada Lampiran 5B).
- Produk *F-flex* mendapat perakuan penuh daripada kedua-dua Jabatan Kerajaan (JPS) dan Pihak Berkuasa Tempatan (Majlis Daerah) yang terlibat dengan kelulusan pelan sistem saliran sebagai kaedah penyelesaian masalah kerosakan sistem saliran di kawasan mendapan.



5.0 POTENSI PENGEMBANGAN PROJEK

5.1 REPLIKASI DALAM CAWANGAN KEJURUTERAAN AWAM DAN STRUKTUR (*REPLICATE*)

Di peringkat Cawangan Kejuruteraan Awam dan Struktur, pihak pengurusan telah mengarahkan agar *F-flex* digunapakai bagi semua projek pembinaan saliran di kawasan berisiko mendapan tanah menerusi surat pekeliling Pengarah Kanan bertarikh 17 Mei 2018. Kumpulan Lithium telah mengeluarkan lukisan piawai bagi *F-Flex* (Lampiran 3F)

5.2 REPLIKASI KE AGENSI LUAR (*REPLICATE*)

Penggunaan *F-flex* ini telah diperkenalkan kepada Institusi Pengajian Tinggi yang lain iaitu Universiti Malaysia Terengganu bagi kerja-kerja membaikpulih Pusat Islam Pakej 2D di kampus utama UMT di Kuala Terengganu, Terengganu. Cadangan utama telah dibentangkan kepada pihak Jabatan Pembangunan Harta dalam pembentangan pada 20 Disember 2017. Pihak UMT telah bersetuju terhadap cadangan pembaikan menggunakan kaedah *F-Flex* seperti dalam surat kelulusan bertarikh 9 April 2018 dalam Lampiran 5A.

5.3 PENANDARASAN POTENSI PENGEMBANGAN PROJEK KE INSTITUSI LUAR (REPLICATE)

Penandaarasan telah dibuat di tiga agensi seperti berikut (rujuk **Lampiran 5B**):

BIL	PUSAT PENGAJIAN	INDIVIDU DITEMURAMAH
1	Universiti Teknologi MARA Pahang	Dr.Rohaya Alias, Dr.Duratul Ain Tholibon, En Mohd Fairuz Bachok
2	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	Dr. Riduan bin Yunus
3	Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Sungai dan Saliran Bandar (REDAC) Universiti Sains Malaysia	Profesor Dr Nor Azazi Zakaria

Penandaarasan turut dibuat dengan produk-produk lain seumpamanya di pasaran dan hasil perbandingan adalah seperti berikut:

PENJELASAN PRODUK					PERSAMAAN/ PERBEZAAN
NAMA	F-flex	EXTENDA FLEX JOINER	FLEX-DRAIN 53602 FLEXIBLE DOWNSPOUT CONNECTOR	FLEX-TEND® FLEXIBLE EXPANSION JOINT	Berbeza
KEGUNAAN	√Penyambung RWDP √ Mendapan	√Penyambung RWD √Mendapan	-Penyambung parit X Mendapan	-Penyambung paip X Mendapan	Berbeza
CIRI	-DIY -Penyambung gelang PVC/coupler -Panjang/saiz boleh dilaras mengikut kadar mendapan tanah di tapak	-Built in -penyambung PVC weld & soket -Didatangkan dalam panjang 600 mm dan penyambung soket 90 ,100 mm	-Built in -Boleh memanjang sehingga 6 inchi sahaja -Bagi sambungan paip 50mm,75mm paip sahaja	-Built in -Berbentuk satu /dua bebola Bagi pergerakan tanah secara mengufuk -Bersaiz 2-48 inchi	Berbeza
CIRI TAMBAHAN	-Panjang tidak terhad dan ringan -Saiz boleh laras mengikut saiz RWDP	-Panjang terhad -Tidak sesuai untuk RWDP berdiameter 150 mm	-Panjang terhad -Tidak sesuai untuk RWDP bersaiz 150 mm	-Bahan 'ductile iron -Tidak sesuai bagi sambungan kepada RWDP	Berbeza

5.4 TAHAP KETERSEDIAAN TEKNOLOGI DAN PENGKOMERSIALAN REPLIKASI

Projek *F-flex* diperbuat daripada bahan PVC yang versatil dan tahan dari cuaca, radiasi UV, tindakbalas kimia serta pergerakan mekanikal. Ia juga tahan lama dan memerlukan penyelenggaraan yang minima. Bahan PVC *flexible hose* juga sedia ada dari segi pengkomersialan dan replikasi projek. Penggunaan *F-Flex* akan diperluaskan di beberapa institusi pendidikan yang turut mengalami masalah mendapan tanah. Pengkomersialan projek ini telah dilaksanakan dengan mengiklankan produk ini di website www.mudah.com.my (Rujuk **Lampiran 5C**)



5.5 PENDAFTARAN HARTA INTELEK

Kumpulan Lithium telah mendaftarkan produk *F Flex* di Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) pada 7 Jun 2018 dan salinan sijil pendaftaran dijangka akan diperolehi dalam tempoh 6 bulan. Salinan surat pengesahan pendaftaran dengan no. LY2018002436 adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Lampiran 5D**.



5.6 JALINAN USAHASAMA

Kumpulan Lithium telah mengadakan perbincangan awal bersama Syarikat Bina Plastic Sdn Bhd dalam usaha mengkomersilkan produk ini. Syarikat NZbinar Resources telah menyatakan kesediaan bagi menggunakan produk *F-flex* di dalam projek-projek pembinaan syarikat tersebut, khususnya dalam menyelesaikan masalah berkaitan paip yang tersumbat. (Rujuk **Lampiran 5E**). Rundingan dan demonstrasi produk turut diadakan dengan beberapa kontraktor yang terlibat dengan pembinaan sistem saliran.



5.7 PENAMBAHBAIKAN

Kumpulan Lithium bercadang untuk menambahbaik projek *F-flex* bersama Syarikat NZ Binar Resources bagi mengetengahkan aspek komersial bagi produk ini. Penambahbaikan akan diadakan dari masa ke semasa berdasarkan maklumbalas telah diterima bentuk e-mel, sesi perkongsian ilmu dan perbincangan. Cadangan penambahbaikan bagi produk ini termasuk: meningkatkan daya tahan *F-flex* pada kesan 'turbulence' akibat aliran air, pengenalan ciri-ciri tambahan bagi mengatasi kesan mendapan tidak seragam, penambahbaikan kaedah penyambungan, mendapatkan ujian regangan daripada pihak SIRIM.

Kumpulan Lithium juga bercadang untuk mendapatkan untuk mengadakan kerjasama dua hala bersama pihak USM dan PSIS dalam mendapatkan data-data di tapak dan simulasi produk ini menggunakan perisian ANSYS bagi tujuan verifikasi produk. Selain itu, sesi roadshow akan diteruskan ke Majlis Daerah yang lain khususnya di kawasan yang mengalami masalah mendapan bagi mendapatkan ulasan dan pandangan Pihak Berkuasa Tempatan.

LAMPIRAN 1A



PE-PEEX



CAWANGAN REJUTERAAN
AWAM DAN STRUKTUR



MEMO

CAWANGAN KEJURUTERAAN AWAM DAN STRUKTUR

Daripada : **PENGARAH KANAN CKAS**

Kepada : **JAWATANKUASA PASUKAN INOVASI LITHIUM**

1. Noor Ezlyn binti Othman - Ketua Pasukan
2. Chuah Chong Keat
3. Mohamed Firdaus bin Othman
4. Amir Asrol bin Ahmad Bangi
5. Faizal bin Yusuf
6. Mohd Raimi Nabil bin Abdul Razzaq
7. Rama Yadi bin Abd Rashid
8. Nur Adriana Hayani binti Adnan
9. Fairuz Fariza binti Mat Noor
10. Azlia binti Ahmad

PENASIHAT

1. Ir. Hj. Atikah binti Abdul Hamid
2. Hasrul Nizam bin Abd. Rahman

Rujukan Kami : (9)dlm.JKR.CKAS/07.600/030/18 Tarikh: 29 Dis 2017

Salinan Kepada : 1. Pengarah Khidmat Rekabentuk
2. Pengarah Khidmat Pakar dan Pengurusan
3. JAPK, BKA Kesihatan & Pendidikan

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara diatas.

2. Sukacita dimaklumkan Tuan/Puan seperti nama di atas telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa dan Penasihat Pasukan Inovasi Lithium bagi mewakili Bahagian Kejuruteraan Awam Kesihatan dan Pendidikan, Cawangan Kejuruteraan Awam Dan Struktur.

3. Sehubungan ini, adalah diharap Tuan/Puan dapat bekerjasama dan memberikan komitmen dalam menjayakan hasrat Cawangan untuk bertanding di Peringkat Inovasi Jabatan yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Saya yang menurut perintah,

(Ir. HJ. MOHAMAD ZULKIFLY BIN SULAIMAN)
Pengarah Kanan CKAS

Lampiran 1B



PE-PEEX



CAWANGAN KEJURUTERAAN
AWAM DAN STRUKTUR

LAMPIRAN 1B: FOTO PENGLIBATAN PIHAK PENGURUSAN



Pembentangan projek Kumpulan Lithium bersama Pengarah Kanan, Pengarah Rekabentuk dan Urusetia Jawatankuasa Pembangunan Inovasi CKAS pada 7 Mei 2018.



Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Inovasi
CKAS bil 01/2018 pada 6 April 2018

Kursus Pembangunan Inovasi bagi Kumpulan Kreatif Cawangan Kejuruteraan Awam dan Struktur, Dewan Seminar Citrus, Tingkat 18, Menara PJD, KL pada 17-18 Mei 2018

[illegible]

Minit mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Inovasi Cawangan (rujuk Lampiran bersebelahan)

Lampiran 1C



PE-PEEX



CAWANGAN KEJURUTERAAN
AWAM DAN STRUKTUR

LATAR
BELAKANG

NAMA KUMPULAN : LITHIUM
TARIKH DITUBUHKAN : 17 NOVEMBER 2017
BILANGAN AHLI : 10 ORANG

CARTA ORGANISASI



LOGO & DEFINISI
KUMPULAN



Lampiran 2A



PE-PE EX



CAWANGAN KEJURUTERAAN
AWAM DAN STRUKTUR

LAMPIRAN 2A : LIMA ALAT KAWALAN KUALITI DALAM MENGENALPASTI MASALAH



MENGENAL PASTI PROJEK		PERCABAHAAN PEMIKIRAN	Lithium
BIL	SENARAI MASALAH/ISU	PENCADANG	
1	Rekabentuk sistem saliran di kawasan tapak yang mempunyai masalah berkaitan mendapan tanah (<i>soft soil</i>)	Firdaus	
2	Masalah data ukur kurang tepat (contoh Original Ground Level)	Raimi Nabil	
3	Rekabentuk sistem kumbahan di kawasan yang mempunyai mendapan	Chuah	
4	Masalah data ukur yang tidak mencukupi	Fariza	
5	Masalah lokasi tapak kurang sesuai	Adriana	
6	Kehendak bertalinan bagi PBT bagi Kebenaran Merancang	Noor Ezlyn	
7	Kos projek-Kekangan peruntukan mempengaruhi rekabentuk	Faizal	
8	Laporan Siasatan Tanah (SI) tidak lengkap contoh tiada maklumat Water Table	Rama Yadi	
9	Kos pembaikan untuk kerja-kerja pembaikan longkang dan utiliti yang lain	Amir Asrol	
10	Masalah pembayaran kepada pihak utiliti	Azlia	

MENGENAL PASTI MASALAH		RAJAH MATRIKS	Lithium
TEMA	TAJUK CADANGAN	KRITIKAL	KEUPAYAAN
1	Rekabentuk sistem saliran di kawasan tapak yang mempunyai masalah berkaitan mendapan tanah (<i>soft soil</i>)	9	9
2	Masalah data ukur kurang tepat (contoh Original Ground Level)	7	8
3	Rekabentuk sistem kumbahan di kawasan yang mempunyai mendapan	8	8
4	Masalah data ukur yang tidak mencukupi	6	7
5	Masalah lokasi tapak kurang sesuai	3	3
6	Kehendak bertalinan bagi PBT bagi Kebenaran Merancang	9	6
7	Kos projek-Kekangan peruntukan mempengaruhi rekabentuk	9	6
8	Laporan Siasatan Tanah (SI) tidak lengkap contoh tiada maklumat Water Table	8	7
9	Kos pembaikan untuk kerja-kerja pembaikan longkang dan utiliti yang lain	7	6
10	Masalah pembayaran kepada pihak utiliti	2	6

KAEDAH SMART FAEDAH PROJEK YANG DIPILIH

Bil	Isu & Masalah	SPECIFIC	MEASUREABLE	ACHIEVABLE	REALISTIC	TIMEFRAME	RESULT
1	Rekabentuk sistem saliran di kawasan tapak yang mempunyai masalah berkaitan mendapan tanah (<i>soft soil</i>)	Kerosakan 'perimeter drain' akibat mendapan tanah dan penyambung daripada RWDP ke perimeter drain.	Pengukuran mendapan/ pengujian aliran air daripada RWDP ke longkang utama	Pengenalan komponen flexible joint sebagai penyambung antara rainwater down pipe ke paip. Penggantian perimeter drain kepada paip.	Kerosakan sistem saliran dapat dielakkan kerana 'flexible joint' meregang dengan mendapan tanah	Boleh diselesaikan dalam masa setahun	
		✓	✓	✓	✓	✓	
2	Masalah data ukur kurang tepat (contoh Original Ground Level, lokasi cerun)	-Data original ground level berbeza dengan detail survey oleh pihak kontraktor - Kedudukan cerun tidak tepat menyebabkan SO memohon untuk justifikasi selepas kerja-kerja setting out	-% data kurang tepat -Data tentang VO kerja tanah, tambahan retaining wall akibat rekabentuk kurang tepat	Pengenalan item dengan GPS bagi menyamak aras tanah semasa lawat tapak. Pemerhatian visual terhad kepada kawasan yang telah dibangunkan	Perlu membuat semakan dengan pihak CKIP semasa fasa perancangan-kekangan masa bagi pereka. Perlu peruntukan bagi alat GPS	Dijangka tidak dapat diselesaikan dalam tempoh setahun.	
		✓	✓	X	X	X	


Bil	Isu & Masalah	SPECIFIC	MEASUREABLE	ACHIEVABLE	REALISTIC	TIME FRAME	RESULT
3	Rekabentuk sistem kumbahan di kawasan yang mempunyai mendapan	Mendapan pada manhole dan paip kumbahan patah akibat pergerakan tanah	Pengukuran kadar mendapan	Pengenalan komponen flexible joint pada sambungan antara paip ke manhole	Kerosakan sistem kumbahan dapat dielakkan kerana 'flexible joint' meregang dengan mendapan tanah	Boleh diselesaikan dalam masa setahun	
		✓	✓	✓	✓	✓	
4	Masalah data ukur yang tidak mencukupi melewati proses rekabentuk	Tiada invert level di longkang sedia ada bagi titik curahan akhir	Boleh diperolehi dengan mengadakan pengukuran semula di tapak.	Memerlukan peralatan ukur atau perolehan bagi khidmat juruukur	Mengambil masa untuk semakan semula	Boleh diselesaikan dalam tempoh setahun	
		✓	✓	X	X	✓	
5	Laporan Siasatan Tanah (SI) bercanggah contoh lokasi Water Table, kuantiti borehole tidak mencukupi	Kedudukan Water Table perlu tepat kerana mempengaruhi jenis OSD yang akan direkabentuk	Bilangan kes dan pindaan rekabentuk kerana percanggahan kedudukan Water Table	Penciptaan alat untuk mengesan lokasi water table	Penciptaan alat pengesan kedalaman water table dengan modifikasi pump/auger	Dijangka boleh diselesaikan dalam tempoh setahun	
		✓	✓	✓	✓	✓	

PEMILIHAN PROJEK		KAEDAH ANALISA FAEDAH				Lithium
BIL	TAJUK MASALAH	KRITERIA				
		OBJEKTIF	KOS	KESENGGARAAN	KEUPAYAAN	JUMLAH
1	Rekabentuk sistem saliran di kawasan tapak yang mempunyai masalah berkaitan mendapan tanah (<i>soft soil</i>)	4	2	2	4	12
2	Rekabentuk sistem kumbahan di kawasan tapak yang mengalami masalah berkaitan mendapan tanah (<i>soft soil</i>)	4	3	3	4	14
3	Laporan Siasatan Tanah (SI) bercangkah	3	4	2	2	11

Skala	1	2	3	4
Kriteria				
